

HARI : JUMAAT
TARIKH : 20/9/2019
M/SURAT : 33C

279 tong gas LPG dirampas

Kuala Lumpur: Tindakan sebuah syarikat menyimpan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi tanpa lesen sejak setahun lalu mengundang padah apabila premis di Bukit OUG Industrial Business Park di sini, diserbu, kelmarin.

Dalam serbuan jam 5 petang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya merampas 279 tong LPG pelbagai saiz selepas menerima maklumat awam.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, piakuhan melakukannya risikan selama dua minggu terhadap kegiatan syarikat itu.

Menurutnya, ketika permeriksaan, dua lelaki mengaku sebagai pekerja, manakala seorang lelaki yang



TONG LPG yang disita dalam serbuan KPDNHEP Selangor di Bukit OUG Industrial Business Park, semalam.

juga pemilik premis ditahan bagi membantu siasatan.

"Kami merampas 133 tong LPG berisi bersaiz 14 kilogram (kg), tong kosong 14kg (91), tong berisi 12kg (18), tong kosong 12kg (15) dan tong kosong 50kg (22).

"KPDNHEP turut merampas lori dan sejumlah invois transaksi belian dan jualan LPG dengan nilai keseluruhan RM58,688.20," katanya.